SABUDIN KASSIM

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
PEH SWEE CHIN H
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44(54)-7-89]
11 SEPTEMBER 1990

PROSEDUR JENAYAH*: *Sabitan - Rayuan - Sama ada pemohon boleh dilepaskan dengan jaminan semasa menunggu perbicaraan rayuan - Alasan istimewa.

Pemohon telah disabitkan di Mahkamah Sesyen Ipoh dengan kesalahan merogol dua orang anak perempuannya dan dijatuhkan hukuman penjara selama 18 tahun serta sebatan dengan rotan 15 kali. Ia telah merayu ke atas sabitan dan hukumannya. Semasa menunggu perbicaraan rayuannya di Mahkamah Tinggi pemohon telah memohon dilepaskan dengan jaminan. Permohonan ini telah dibantah oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Diputuskan:
[1] Ada perbezaan penting antara jaminan sebelum sabitan dan jaminan selepas sabitan sementara menunggu keputusan rayuan. Jaminan sebelum sabitan adalah amalan biasa dan bukan suatu pengecualian dalam kesalahan-kesalahan yang boleh dibenarkan jaminan. Bagi kesalahan yang tidak boleh dijamin, perkara ini terserah kepada budibicara Mahkamah. Jaminan selepas sabitan hanya boleh dibuat apabila ada alasan-alasan istimewa kerana pada masa itu anggapan tidak bersalah yang wujud di peringkat pertama tidak wujud lagi.

[2] Dalam kes ini alasan istimewa yang wujud mendorong Mahkamah menolak jaminan. Tambahan lagi, hukuman penjara begitu panjang dan tidak ada risiko bahawa bila sampai masa perbicaraan rayuan tempoh penjaraan sudah habis atau hampir habis dijalani oleh pemohon.

[Permohonan jaminan ditolak.]

Kes yang dirujuk:
Re Kwan Wah Yip [1954] MLJ 146

Bagi pihak yang tertuduh - J.S. Olikh, Peguambela
Bagi pihak Pendakwa Raya - Mohd. Zaki bin Mohd. Yassin, Timbalan Pendakwa Raya

PENGHAKIMAN

Peh Swee Chin H:

Mahkamah ini telah menolak permintaan daripada yang tertuduh untuk dilepaskan sehingga hari perbicaraan rayuannya di Mahkamah Tinggi dengan diikat jaminan.

Yang dituduh telah disabitkan di Mahkamah Sesyen, Ipoh dengan kesalahan-kesalahan merogol dua orang anak perempuannya sendiri dan dipenjarakan selama 18 tahun dan sebatan dengan rotan 15 kali pada 17 Mac 1989. Beliau telahpun memfailkan rayuan tentang sabitan dan hukuman kepada Mahkamah Tinggi.

Tidak seperti lazimnya, Timbalan Pendakwa Raya iaitu Encik Zaki telah membantah dengan keras permintaan daripada yang tertuduh itu dalam kes ini. Beliau menerangkan bahawa kedua-dua anak yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan yang berkenaan telah ditahan di Pusat Perlindungan, Batu Gajah sejak beberapa lama dahulu untuk dijauhi daripada ayah mereka

sendiri, mereka ditahan demikian sedangkan mereka tidak berdosa. Mereka sepatutnya dibebaskan sesudah sabitan yang tertuduh, tetapi yang tertuduh kini membuat permintaan sedemikian dan mereka akan terus ditahan.

Beliau menghujah lagi, perlaksanaan sebatan dengan rotan pun telah ditangguh dengan adanya rayuan daripada yang tertuduh.

Peguambela untuk yang tertuduh menghujah bahawa yang tertuduh adalah pesalah pertama, dan orang tunggal yang menanggung keluarganya. Tambahan pula, ada harapan baik memenangi kes rayuan itu.

Mahkamah ini telah mengambil kira hujah sepenuhnya daripada peguambela. Tambahan pula, Mahkamah ini mempertimbangkan faktor-faktor seperti berikut.

Pada pendapat saya, terdapatlah suatu perbezaan yang mustahak antara jaminan (bail) sebelum sabitan dan jaminan selepas sabitan sementara menanti keputusan rayuan.

Pada peringkat pertama tersebut di atas, membenarkan jaminan adalah menjadi amalan biasa dan bukan suatu kecualian dalam kesalahan-kesalahan yang boleh dibenarkan jaminan sepertimana dikhususkan oleh undang-undang. Pengecualian tersebut adalah tertakluk pada alasan-alasan istimewa. Pada kesalahan-kesalahan yang mengikut undang-undang tidak boleh dibenarkan jaminan, perkara ini diserahkan kepada budibicara mahkamah yang dikehendaki mempertimbangkan faktor-faktor yang biasa, seperti keseriusness (seriousness) kesalahan dan lain-lain.

Pada peringkat kedua, hanya alasan-alasan istimewa sahaja yang mencukupi untuk mendapat jaminan, kerana anggapan tidak bersalah (presumption of innocence) yang wujud di peringkat pertama tidak wujud lagi selepas sabitan. Sila lihat kes *Re Kwan Wah Yip* [1954] MLJ 146.

Malangnya bagi yang tertuduh, alasan istimewa yang wujud dalam kes ini telah mendorongkan Mahkamah ini menolak jaminan. Maksud saya ialah kedua-dua anak perempuan yang tertuduh sendiri pun telah ditahan di Pusat Perlindungan sungguhpun mereka tidak berdosa langsung supaya mereka dipisahkan daripada ayah mereka sendiri agar kesalahan-kesalahan yang lampau tidak diulangi. Dengan penolakan permintaan daripada yang tertuduh, mereka boleh balik ke pangkuan ibu mereka.

Encik Zaki yang sudah lama bertindak di hadapan saya sebagai Timbalan Pendakwa Raya membantah dengan keras permintaan jaminan, pada julung kalinya.

Lagipun, hukuman atau tempoh penjaraan begitu panjang tidak terdapat apa-apa risiko bahawa bila sampai masanya perbicaraan rayuan, tempoh penjaraan pun sudah atau hampir habis dijalani yang tertuduh.

Tambahan pula jikalau Mahkamah membuat pilihan, kesalahan rogol boleh dihukum sampai penjara seumur hidup.

Dalam keadaan begini, jaminan pun telah ditolak.

Also found at [1991] 1 CLJ 292